

# Manifesto pembangkang mustahil

SEREMBAN, Isnin — Manifesto parti pembangkang adalah manifesto untuk memancing undi dan mustahil dapat dilaksanakan jika barisan parti itu berjaya memerintah negara ini, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, manifesto Barisan Nasional (BN) lebih realistik kerana ia menjanjikan apa yang boleh dilakukannya untuk rakyat.

"Dalam manifesto pembangkang, mereka mahu berbelanja banyak, tetapi tidak akan mengutip cukai. Jadi, dari mana punca wang yang akan mereka perolehi untuk melaksanakan semua janji itu kalau tidak dengan berhutang," katanya.

Perdana Menteri berkata, Presiden Semangat 46, Tengku Razaleigh Hamzah, berhutang merata tempat sewaktu menjadi Menteri Kewangan dulu.

"Oleh itu, Malaysia akan jadi negara bankrap kalau diperintah oleh orang macam itu (Tengku Razaleigh). Dia boros berbelanja," katanya dalam sidang akhbar di sini, hari ini.

Beliau berkata, kerajaan perlu mengutip cukai untuk membayar segala pengurusan pentadbiran dan projek pembangunan yang dirancang untuk faedah rakyat.

"Kita bina jalan besar dan kutip tol untuk membolehkan kita bina jalan lebih baik di luar

bandar. Kita sedia turunkan kadar tol jika rakyat menganggapnya perlu untuk kerajaan berbuat demikian. Kita untung membina Jambatan Pulau Pinang awal-awal kerana dengan itu, kita dapat menjimatkan \$700 juta berbanding \$1,400 juta jika dibina sekarang," katanya.

Mengenai cabaran Timbalan Presiden Semangat 46, Datuk Rais Yatim, supaya beliau berdebat dengannya di televisyen mengenai manifesto masing-masing, Datuk Seri Dr Mahathir berkata:

## Cabaran

"Saya ada banyak tempat hendak dilawati. Cabaran (Datuk Rais) itu hanya untuk memenuhi kepentingannya. Saya sendiri sebenarnya tidak mengambil masa yang panjang di televisyen, kecuali liputan mengenai sidang akhbar dan ucapan saya.

"Agak pelik bagi Semangat 46 untuk memper-tikai kebebasan media massa di negara ini apabila mereka sendiri mengecam akhbar dan televisyen yang tidak menyokong mereka sepertimana dilakukan kepada TV3. Mereka bekerjasama dengan akhbar yang sokong mereka saja.

"Kita bimbang kalau mereka boleh bakar suratkhbar, nanti mereka bakar televisyen pula," katanya.